

E05

**PROGRAM UJIAN SARINGAN PENGESANAN
DADAH DALAM AIR KENCING DI SEKOLAH
MENENGAH**

PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

1. PENDAHULUAN

Pengendalian ujian saringan air kencing merupakan program pencegahan awalan untuk murid sekolah menengah yang dikenalpasti.

2. TUJUAN

2.1 Tujuan Perintah Tetap Ketua Pengarah ini ialah untuk menentukan tatacara bagi melaksanakan Program Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing bertujuan untuk mengesan pengguna dadah dalam kalangan murid sekolah menengah.

3. SKOP

3.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini mengandungi tatacara Pelaksanaan Program Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing untuk murid sekolah menengah seperti berikut:

- 3.1.1 Terminologi
- 3.1.2 Tujuan Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing
- 3.1.3 Prosedur Pelaksanaan
- 3.1.4 Tanggungjawab
- 3.1.5 Kuasa Perundangan

4. TERMINOLOGI

4.1 Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing

Program pencegahan awalan melalui ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing kepada murid sekolah menengah bagi tujuan intervensi menggunakan '*test strip*' sahaja.

4.2 Kumpulan Sasar

Murid sekolah menengah di peringkat umur 13 hingga 17 tahun.

PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

5. TUJUAN UJIAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING

- 5.1 Mengenalpasti kumpulan sasar yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan substans kepada murid sekolah menengah;
- 5.2 Mengambil tindakan intervensi bagi murid sekolah menengah yang didapati terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan substans;
- 5.3 Memberi khidmat nasihat kepada murid sekolah menengah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan substans; dan
- 5.4 Merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab ke atas murid sekolah menengah untuk tindakan susulan.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN

6.1 Menentukan Kumpulan Sasar

- 6.1.1 Mengenalpasti murid sekolah menengah di peringkat umur 13 hingga 17 tahun yang perlu menjalani ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing.

6.2 Peranan dan Tanggungjawab

6.2.1 Bahagian Pencegahan Ibu Pejabat

- 6.2.1.1 Merancang anggaran keperluan tahunan peralatan ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah;
- 6.2.1.2 Menyediakan Tatacara Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing;
- 6.2.1.3 Memberikan latihan kepada kumpulan pelaksana;
- 6.2.1.4 Melaksanakan penyeliaan dan pemantauan program di peringkat negeri dan daerah;

PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

6.2.1.5 Menganalisis laporan program yang telah dilaksanakan oleh AADK Negeri; dan

6.2.1.6 Menyemak dan menambahbaik Tatacara Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing mengikut keperluan semasa.

6.2.2 Peringkat AADK Negeri

6.2.2.1 Memberikan penerangan tentang arahan pelaksanaan program ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing kepada AADK Daerah;

6.2.2.2 Menyelaras pelaksanaan program bersama sekolah menengah yang terlibat;

6.2.2.3 Memastikan pelaksanaan program mematuhi Tatacara Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing yang telah ditetapkan.

6.2.2.4 Menyediakan laporan pelaksanaan program (**Rujuk Tatacara Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing**) dan mengemukakannya kepada Bahagian Pencegahan Ibu Pejabat.

6.2.2.5 Membuat penilaian pelaksanaan program.

6.2.3 Peringkat AADK Daerah

6.2.3.1 Mengenalpasti peserta serta lokasi bagi menjalankan program berkenaan;

6.2.3.2 Mengadakan penyelarasan dengan sekolah yang terlibat bagi membincangkan pelaksanaan program berkenaan;

PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

- 6.2.3.3 Memastikan pelaksanaan program mematuhi Tatacara Pengendalian Ujian Saringan Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing yang telah ditetapkan;
- 6.2.3.4 Mengumpul maklumbalas daripada pihak sekolah dan membuat analisis; dan
- 6.2.3.5 Menyediakan laporan pelaksanaan kepada Pengarah AADK Negeri untuk rujukan dan penilaian.

Rujuk Carta Alir Prosedur Pelaksanaan Program (Lampiran A)

6.3 Tatacara pengendalian kumpulan sasar yang didapati positif ujian saringan pengesanan.

- 6.3.1 Murid yang didapati positif ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing hendaklah dirujuk kepada pihak sekolah untuk tindakan intervensi selanjutnya.
- 6.3.2 Pemantauan berkala oleh pegawai Agensi Antidadah ke atas murid yang didapati positif ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing melalui laporan atau pertemuan bersemuka.
- 6.3.3 Murid yang didapati positif ujian saringan pengesanan dadah perlu mengikuti program yang telah ditetapkan oleh agensi.
- 6.3.4 Sampel ujian saringan pengesanan dadah dalam air kencing yang didapati positif tidak perlu dirujuk ke Jabatan Patologi untuk pengesanan.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Pegawai Agensi.
- 7.2 Pengetua Sekolah.

PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

8. KUASA PERUNDANGAN

- 8.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004
- 8.2 Akta Penagihan Dadah 1983 (Rawatan Dan Pemulihan)

9. LAMPIRAN

- 9.1 Lampiran A: Carta Alir Prosedur Pelaksanaan Program

10. DIKUATKUASAKAN

Perintah Tetap ini berkuat kuasa mulai tarikh **22 FEBRUARI 2021**.




(SUTEKNO AHMAD BELON)
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh : **22.02.2021**


PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT IBU PEJABAT



PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT NEGERI



PERINTAH TETAP : E 05 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PROGRAM UJIAN SARINGAN SARINGAN PENGESANAN DADAH DALAM AIR KENCING UNTUK MURID SEKOLAH MENENGAH	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT DAERAH

